

**TEKS UCAPAN YANG BERBAHAGIA PROFESOR DR AHMAD YUSOFF
BIN HASSAN, NAIB CANSELOR UTeM SEMPENA MAJLIS
MENANDATANGANI MoU dan MoA DI ANTARA UTeM DENGAN
CTRM SDN. BHD. HAMPSHIRE AEROSPACE SDN. BHD.
DREAMEDGE SDN. BHD. PADA 25 FEBRUARI 2009 JAM 2.30 PETANG
BERTEMPAT DI FOYER CANSELORI, KAMPUS INDUK UTeM.**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

ASSALAMUALAIKUM WRT. WBT. DAN SALAM SEJAHTERA.

TERIMA KASIH DIUCAPKAN KEPADA TUAN PENGERUSI MAJLIS,

YANG BERBAHAGIA DATO' DR. MOHD. TAIB BIN HASHIM,
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA
MELAKA,

YANG BERBAHAGIA, TAN SRI DATO' OMAR BIN IBRAHIM,
PENGERUSI HAMPSHIRE AEROSPACE SDN. BHD.,

YANG BERBAHAGIA, DATUK ROSDI BIN MAHMUD, KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF, COMPOSITES TECHNOLOGY RESEARCH MALAYSIA
SDN. BHD.,

YANG BERBAHAGIA, EN. KHAIRIL ADRI BIN ADNAN, KETUA
PEGAWAI EKSEKUTIF DREAMEDGE SDN. BHD.

YANG BERBAHAGIA, TIMBALAN NAIB CANSELOR, AKADEMIK DAN
ANTARABANGSA, DATO' PROFESOR DR. MOHD. NOR BIN HUSAIN,

YANG BERBAHAGIA, TIMBALAN NAIB CANSELOR, PENYELIDIKAN
DAN INOVASI, DATUK PROFESOR MADYA DR. ABU BAKAR BIN MOHD
DIAH,

YANG BERUSAHA, PROF. DR. MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI, DEKAN
PUSAT UNIVERSITI INDUSTRI.

DEKAN-DEKAN, PEGAWAI-PEGAWAI KANAN, PENSYARAH-PENSYARAH, URUSETIA PROGRAM, PARA PENYELIDIK UTeM, SETERUSNYA, HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKELIAN.

ALHAMDULILLAH, SEBAGAI TANDA KASIH KITA KEPADA PENCIPTA RABBUL JALIL, MARILAH SAMA-SAMA KITA MEMANJATKAN RASA SYUKUR KITA YANG TIDAK TERHINGGA, KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAHAN KURNIANYA, MAKA DAPATLAH KITA BERHIMPUN BERSAMA-SAMA DI DALAM SATU MAJLIS MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DAN PERJANJIAN DI ANTARA UTeM DENGAN TIGA BUAH SYARIKAT YANG AKAN MENJADI RAKAN KERJASAMA UTeM.

HADIRIN & HADIRAT SEKALIAN,

MoU YANG AKAN DITANDATANGANI PADA HARI INI IALAH ANTARA UTeM DENGAN CTRM SDN. BHD., HAMPSHIRE AEROSPACE SDN. BHD. DAN DREAMEDGE SDN. BHD.

MoU YANG DIJALIN ADALAH BERTUJUAN UNTUK MEMBINA KERJASAMA DALAM BIDANG PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN (R&D) DALAM BIDANG-BIDANG BERKAITAN, DAN SETERUSNYA, MENGKOMERSILKAN PRODUK YANG TELAH DICIPRAH OLEH PENYELIDIK UTeM, UNTUK KEGUNAAN MASYARAKAT.

DIHARAPKAN MELALUI MoU INI, KEDUA-DUA BELAH PIHAK AKAN DAPAT SALING BANTU MEMBANTU DALAM MENJAYAKAN AKTIVITI-AKTIVITI YANG TELAH DIKENAL PASTI OLEH SEMUA PIHAK DEMI KEBAIKAN BERSAMA.

DI SINI, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS, KEPADA FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN MELALUI DEKANNYA DR. MOHD. RIZAL BIN SALLEH SERTA MANTAN DEKAN PROF. DR. MOHD. RAZALI BIN MOHAMAD YANG AKAN MENERUSKAN KERJASAMA DENGAN CTRM SDN. BHD. DAN HAMPSHIRE AEROSPACE SDN. BHD.

MoU ANTARA UTeM DAN CTRM MERUPAKAN PERLANJUTAN DARIPADA MoU YANG TELAH DIADAKAN SEJAK TAHUN 2004. HUBUNGAN DAN KERJASAMA BAIK YANG WUJUD SEBELUMINI TELAH MEMBERI BANYAK FAEDAH KEPADA KEDUA-DUA BELAH PIHAK. KERJASAMA YANG TELAH DIJALANKAN ADALAH BERKAITAN

PERTUKARAN MAKLUMAT, STAF, LATIHAN, PEMINDAHAN TEKNOLOGI, PEMBANGUNAN TEKNOLOGI DAN MENGADAKAN PROJEK PENYELIDIKAN BERSAMA.

MANAKALA HUBUNGAN KERJASAMA YANG DIJALINKAN DENGAN HAMPSHIRE AEROSPACE SDN. BHD. PULA MERUPAKAN KERJASAMA PENYELIDIKAN KHUSUSNYA DALAM BIDANG PEMESINAN KOMPONEN-KOMPONEN AERO ANGKASA.

KERJASAMA INI JUGA AKAN TURUT MEMBANTU DALAM PEMBANGUNAN PROGRAM AKADEMIK TERUTAMANYA DALAM BIDANG PEMESINAN TERKINI DI MANA KEMUDAHAN DAN PERALATAN DI HAMPSHIRE AEROSPACE SDN. BHD. BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI BAHAN PENGAJARAN UNTUK PROGRAM-PROGRAM AKADEMIK YANG BERKAITAN DI UTeM.

TAHNIAH DAN SYABAS JUGA DIUCAPKAN KEPADA FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL MELALUI DEKANNYA, PROF. DR. MD. RAZALI BIN AYOB SERTA MANTAN DEKAN PROF. DR. RADZAI BIN SAID YANG BEKERJASAMA DENGAN DREAMEDGE SDN. BHD.

KERJASAMA YANG AKAN DIADAKAN MELIPUTI BIDANG PENYELIDIKAN KHUSUSNYA DALAM PENGURUSAN DATA PENYELIDIKAN KEJURUTERAAN. SELAIN ITU, SYARIKAT DREAMEDGE JUGA AKAN MELATIH STAF DAN PELAJAR UTEM BERKAITAN APLIKASI PERISIAN AUTO CAD/CAM.

DREAMEDGE JUGA MENYATAKAN HASRAT UNTUK MELATIH DAN MEMBANGUNKAN PARA JURUTERA DARI KALANGAN PELAJAR UTEM DENGAN MEMBERI PENDEDAHAN KEPADA MEREKA TENTANG TEKNOLOGI TERKINI MELALUI PEMINDAHAN TEKNOLOGI BARU.

ADALAH DIHARAPKAN AGAR SEMUA PRODUK YANG DIHASILKAN MELALUI MoU AKAN DAPAT MENGHASILKAN HARTA INTELEK YANG BOLEH DIMAJUKAN SEHINGGA KE TAHAP PENGKOMERSIALAN.

AKHIR KATA, SAYA SUDAHI UCAPANINI DENGAN MEMBACA SERANGKAP PANTUN YANG BERBUNYI;

PERGI BERKELAH BERSAMA PUTERI
JANGAN LUPA BAWA BEKALAN

HUBUNGAN ERAT UTEM-INDUSTRI
SEMOGA KERJASAMA AKAN BERKEKALAN

SEKIAN, SAYA AKHIRI DENGAN KALIMAH YANG MULIA,
WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH, ASSALAMUALAIKUM WRT. WBT.
DAN SALAM SEJAHTERA.